دعاء آية الكرسي

DOA AYAT AL-KURSI

Imam ‘Abdullah ibn ‘Alawi Al-Haddad رضي الله عنه

بسم الله الرحمن الرحيم

الْحَمْدُ لِلّٰهِ وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى رَسُــوْلِ اللهِ وَعَلَى آلِهِ، يَا اللهُ يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، يَا مَالِكُ يَا قُدُّوْسُ، يَا لَطِيْفُ يَا قَاهِرُ، يَا عَلِيْمُ يَا مُحِيْطُ، يَا وَاسِعُ يَا حَفِيْظُ، يَا عَلِيُّ يَا عَظِيْمُ، أَسْأَلُكَ يَا اللهُ يَا رَبِّ أَنْ تُحْيِيَ قَلْبِي وَرُوْحِي بِنُوْرِ مَعْرِفَتِكَ وَمَحَبَّتِكَ، وَتُحْيِيَ جِسْمِي وَجَوَارِحِي بِنُوْرِ عِبَادَتِكَ، وَلُزُوْمِ طَاعَتِكَ، وَدَوَامِ خِدْمَتِكَ، وَأَنْ تَرْزُقَنِي حُسْنَ الْقِيَامِ بِحَقِّكَ، وَتَمْلأَ يَدَيَّ مِنْ طَيِّبِ رِزْقِكَ، وَتَشْمَلَنِي بِخَفِيِّ لُطْفِكَ وَرَأْفَتِكَ، وَتُمَلِّكَنِي زِمَامَ نَفْسِي، حَتَّى أَقُوْدَهَا إِلَى مَا فِيْهِ رِضَاكَ وَنَيْلِ الْقُرْبِ مِنْكَ، وَطَهِّرْنِي مِنْ دَنَسِ الْمُخَالَفَاتِ وَالْغَفَلاَتِ وَالشَّهَوَاتِ، وَآتِنِي رَحْمَةً مِنْ عِنْدِكَ، وَعَلِّمْنِي مِنْ لَدُنْكَ عِلْمًا، وَهَبْ لِي حِكْمَةً وَحُكْمًا، وَعَافِنِي مِنْ سَخَطِكَ وَغَضَبِكَ وَجَمِيْعِ أَنْوَاعِ بَلاَئِكَ، وَاحْفَظْنِي مِنْ شِرَارِ خَلْقِكَ وَشُرُوْرِهِمْ، وَمِنَ الشُّرُوْرِ كُلِّهَا، وَمِنْ جَمِيْعِ الْبَلِيَّاتِ وَالْمِحَنِ، وَأَعِذْنِي مِنْ مُضِلاَّتِ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، وَاجْعَلْنِي مِنَ الَّذِيْنَ لاَ يُرِيْدُوْنَ عُلُوًّا فِي الْأَرْضِ وَلاَ فَسَادًا، وَهَبْ لِي فَضْلاً عَظِيْمًا، وَكَفِّرْ عَنِّي سَيِّئَاتِي، وَأَدْخِلْنِي مُدْخَلاً كَرِيْمًا، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ (ثلاثا)، وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ .

“Segala puji bagi Allah, solawat dan salam ke atas pesuruh Allah dan keluarganya.

Ya Allah! Wahai Tuhan Yang Maha Hidup! Wahai Tuhan Yang Maha Berdiri dengan sendiri! Wahai Tuhan Yang Maha Memiliki! Wahai Tuhan Yang Maha Suci! Wahai Tuhan Yang Maha Lemah-lembut! Wahai Tuhan Yang Maha Gagah! Wahai Tuhan Yang Maha Mengetahui! Wahai Tuhan Yang Maha Meliputi IlmuNya! Wahai Tuhan Yang Maha Luas KurniaanNya! Wahai Tuhan Yang Maha Pemelihara! Wahai Tuhan Yang Maha Tinggi! Wahai Tuhan Yang Maha Agung! Aku memohon kepadaMu, ya Allah! Ya Tuhanku! Agar Engkau menghidupkan hati dan rohku dengan cahaya makrifat dan kasih-sayangMu, Engkau menghidupkan jasadku dan segala anggotaku dengan cahaya ibadah kepadaMu, sentiasa mentaatiMu dan berkhidmat kepadaMu, (Aku memohon kepadaMu agar) Engkau mengurniakan kepadaku sebaik-baik perlaksanaan terhadap hakMu, memenuhi tanganku dengan sebaik-baik rezeki daripadaMu, menyelubungiku dengan kelembutanMu yang tersembunyi dan

belas kasihanMu, Engkau kuasai tali penambat nafsuku hingga aku memandunya kepada sesuatu yang Engkau redhai dan mencapai taqarrub daripadaMu. Sucikanlah daku daripada kekotoran perkara-perkara yang bercanggah dengan agama, kelalaian dan syahwat. datangkanlah kepadaku rahmat dari sisiMu, ajarilah daku ilmu dari sisiMu, kurniakanlah kepadaku hikmah dan kefahaman tentang hukum syara', sejahterakanlah daku dari kemurkaan dan kemarahanMu dan semua jenis bala bencana, peliharalah aku dari makhlukMu yang jahat, kejahatan mereka dan semuanya serta semua bala bencana dan ujian. Lindungilah aku dari fitnah yang menyesatkan sama ada yang zahir mahupun yang batin, jadikanlah aku dari kalangan orang-orang yang tidak menghendaki ketinggian di muka bumi ini dan bukan melakukan kerosakan, kurniakanlah kepadaku kurniaan yang besar. hapuskanlah dosa kejahatanku dan masukkanlah aku ke tempat yang mulia (syurga).

Wahai Tuhan Yang Maha Pengasih dari segala yang mengasihani! (3 kali)

Semoga Allah mencucuri rahmat dan kesejahteraan ke atas Junjungan kami Muhammad, keluarganya dan sahabat-sahabatnya."

(Sumber daripada kitab شَوَارِقُ ٱلْأَنْوَارِ مِنْ أَدْعِيَةِ السَّادَةِ ٱلْأَخْيَارِ karangan Al-Muhaddits Dr. Sayyid Muhammad ibn 'Alawi Al-Maliki Al-Hasani رضي الله عنه)

Disebut di dalam kitab **Wasilah Al-'Ibad ila Zaad Al-Ma'ad** bahawa doa ini dibaca selepas membaca ayat Al-Kursi.